

## **PELAKSANAAN *BAY AL-INAH* DALAM PEMBIAYAAN PERIBADI (PERSONAL LOAN) DI MALAYSIA**

**Dr. Azizi Abu Bakar**  
Kolej Perniagaan  
Universiti Utara Malaysia  
[abazizi@uum.edu.my](mailto:abazizi@uum.edu.my)

### **Abstrak**

*Sistem kewangan Islam bukanlah merupakan suatu sistem yang popular di kalangan masyarakat Malaysia untuk sekian lamanya kecuali setelah mencapai era 80'an yang menyaksikan reformasi masyarakat yang berkehendakkan kepada sebuah sistem kewangan berteraskan Islam. Keinginan masyarakat ini telah menjadi faktor pendorong kepada kerajaan dalam merangka sebuah struktur baru ke arah pembangunan produk kewangan Islam terutamanya setelah melihat kejayaan sistem perbankan Islam di negara-negara lain . Dalam menjayakan hasrat murni ini semua sektor sama ada sektor kerajaan mahupun swasta berganding bahu dalam menjayakannya. Pembiayaan peribadi ataupun personal loan merupakan antara produk yang menjadi pilihan utama masyarakat dalam memenuhi keperluan kewangan mereka. Pembiayaan peribadi Islam yang mengaplikasikan kaedah Bay al-Inah telah diperkenalkan di Malaysia. Bay al-Inah merupakan kontrak yang menimbulkan kontroversi di kalangan umat Islam sedunia dalam penerimaan serta penolakannya telah menjadi perbincangan utama di kalangan sarjana-sarjana Islam. Bay al-Inah yang mengandungi unsur hilah dalam transaksinya dilihat sebagai usaha untuk "menghalalkan" riba. Walaupun penuh dengan kontroversi, namun pelaksanaannya di Malaysia telah berjaya berjaya menjana tahap ekonomi serta survival masyarakat Islam di negara ini di samping memelihara kemaslahatan masyarakat Islam daripada terus terjerumus dalam aktiviti perbankan konvensional yang berteraskan riba, gharar dan sebagainya lagi yang mengabaikan faktor-faktor keharmonian dalam Islam.*

### **Produk-Produk Di Bawah Skim *Bay al-Inah***

Di Malaysia, Bank Rakyat mengimplementasikan prinsip *Bay al-Inah* sebagai satu instrumen yang menawarkan kemudahan tunai segera kepada pelanggan-pelanggannya. Pengaplikasian prinsip ini mendapat kelulusan Majlis Penasihat Syariah Bank Rakyat dan Suruhanjaya Sekuriti yang berlandaskan mazhab al-Syafi'i dan mazhab al-Zahiri (Suruhanjaya Sekuriti, 2002).

Produk-produk pembiayaan di bawah konsep *Bay al-Inah* ini dilaporkan telah mendapat sambutan yang tinggi daripada kalangan ahli masyarakat berbanding dengan pinjaman berlandaskan konsep-konsep Syariah yang lain seperti BBA, *al-Rahnu* dan sebagainya (Bank Rakyat, 2002). Peningkatan kepada sambutan produk *Bay al-Inah* ini didorongi oleh faktor kebebasan berbelanja serta menguruskan kewangan secara sepenuhnya di tangan pelanggan berbanding

produk-produk lain di mana peminjam terikat dengan pengeluaran wang secara berperingkat atau bersyarat yang membatasi kebebasan berbelanja.

### **Produk-produk Berlandaskan Konsep *Bay al-Inah***

Antara produk-produk yang ditawarkan berlandaskan prinsip *Bay al-Inah* di Bank Rakyat ialah :-

1. Pembiayaan Peribadi *Aslah* (*Aslah Personal Financing*);
2. Pembiayaan Istimewa *Mudarris* (*Mudarris Specialised Personal Financing*);
3. Pembiayaan Peribadi Istimewa *Syifa'* (*Syifa' Personal Financing*);
4. Pembiayaan Pendidikan *al-Falah* (*al-Falah Education Financing*);
5. *Al-Tarkhis* (Overdraft);
6. Pembiayaan Umrah dan Perlancongan (*Umrah & Tourism Financing*);
7. Pembiayaan Kontrak *Tijari* (*Tijari Contract Financing*).

### **Kaedah Perlaksanaan Skim *Bay al-Inah***

Di bawah prinsip ini, Bank Rakyat akan menjual aset atau harta kepunyaannya kepada pelanggan secara harga tangguh. Kemudian pihak bank akan membuat pembelian semula harta berkenaan dari pelanggan dengan harga tunai. Dengan cara jual beli *Bay al-Inah*, pelanggan akan memperolehi wang tunai dan membayar balik hutangnya kepada pihak bank secara ansuran dalam tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Margin keuntungan pihak bank adalah berdasarkan perbezaan harga tunai dan harga tangguh. Peratus keuntungan yang dikenakan adalah berbeza berdasarkan tempoh penangguhan yang dipersetujui secara bersama. Selain itu peratus keuntungan adalah fleksibel dan berubah dari semasa ke semasa. Aset-aset yang dijual merupakan hak milik Bank Rakyat dan nilai aset tersebut adalah setara dengan jumlah yang dipohon oleh pelanggan. (Bank Rakyat, Pembiayaan Kontrak *Tijari*). Sementara jenis-jenis aset yang kebiasaannya digunakan Bank Rakyat dalam kontrak ini sama ada bangunan milik Bank Rakyat iaitu bahagian bangunan tidak alih yang telah dikenalpasti seperti tingkat, blok atau lot bangunan; atau Komputer yang lengkap dengan aksesorinya; atau Sijil Saham Amanah Raya Development (ARD).

Di sini penyelidik akan membawakan satu contoh transaksi pinjaman *Bay al-Inah*. Seseorang itu memerlukan wang tunai sebanyak RM 14,000.00 untuk kegunaan peribadi tetapi beliau tidak mempunyai sebarang harta untuk membuat pembiayaan semula. Oleh itu beliau telah memohon kemudahan Pembiayaan *Mudarris* di Bank Rakyat. Sebaik sahaja permohonan tersebut diluluskan, Bank Rakyat akan menjual asetnya iaitu Sijil Saham ARD sebanyak 7,500 unit dengan harga RM 23,838.94. Oleh kerana pelanggan tersebut merupakan anggota Bank Rakyat, pihak bank bersetuju memberi *khusumah* (potongan) sebanyak RM 1,037.12. Maka harga jualan Sijil Saham ARD selepas potongan ialah sebanyak RM 22,801.82. Disebabkan jualan dilakukan secara tangguh selama 7 tahun, bank akan mengambil keuntungan dengan kadar 7.7 % yang bernilai RM 7, 985.82. Kemudian bank akan membeli balik Sijil Saham ARD tersebut daripada

pelanggan secara tunai dengan harga belian RM 14, 816.00 (RM 816.00 adalah bayaran deposit sekuriti). Selepas transaksi melalui tandatangan pada borang kontrak, pelanggan akan memperolehi wang tunai RM 14, 000.00 tetapi masih berhutang dengan bank sebanyak RM 22, 801.82 yang dibayar balik secara ansuran selama tempoh tujuh tahun. Kaedah Pengiraan adalah seperti berikut:-

Tempoh penangguhan	: 84 bulan (7 tahun x 12 bulan)
Kadar Keuntungan Bank	: 7.70 % setahun
Harga Belian (Pelanggan)	: Jumlah amaun yang dipohon termasuk deposit sekuriti : RM 14, 816.00
Harga Jualan (Bank)	: Jumlah amaun yang dipohon + keuntungan : RM 14, 816.00 + (RM 14,816 x 7.7 % @ 7 tahun) : RM 22, 801.82
Bayaran Bulanan Pelanggan	: $\frac{\text{Amaun} + (\text{amaun} \times \text{kadar untung} \times \text{tahun})}{\text{Bulan}}$ : $\frac{\text{RM}14, 816.00 + (14,816 \times 7.7\% \times 7 \text{ tahun})}{84 \text{ bulan}}$ : RM 272.00 (ansuran bulanan)
Deposit Sekuriti	: 3 x Bayaran ansuran (3 x RM 272.00) : RM 816.00.

### Carta 1: Contoh Transaksi *Bay al-Inah*

Transaksi Pertama : Pihak bank menjual asetnya kepada pelanggan dengan harga RM 22,801.82 secara harga tangguh selama 84 bulan (7 tahun). Bank akan menerima bayaran ansuran sebanyak RM 272.00 sebulan.



Transaksi Kedua : Pihak bank membeli semula aset tersebut daripada pelanggan dengan harga RM 14, 861.00 secara tunai. (RM 14, 000.00 + Deposit Sekuriti).

Deposit Sekuriti : Pelanggan dikehendaki menyimpan deposit sekuriti tidak kurang daripada tiga gandaan ansuran bulanan iaitu RM 816.00 (RM 272.00 x 3) sepanjang tempoh pembiayaan sebagai cagaran / jaminan. Sekiranya ansuran bulan tidak diterima pada mana-mana bulan pembayaran, deposit sekuriti akan digunakan bagi menampung sementara ansuran bulanan bagi bulan berkenaan yang tertangguh. Pelanggan dikehendaki menggantikan semula jumlah ini dengan

segera pada bulan berikutnya bagi mengekalkan jumlah deposit sekuriti seperti di atas.

## **Skim *Bay al-Inah* Menurut Perspektif Hukum Muamalat Islam**

### **Definisi *Bay al-Inah***

Perkataan *al-Bay* secara literalnya bermaksud pertukaran sesuatu barangan dengan sesuatu barangan yang lain. Ia merupakan perkataan yang berlawanan dengan perkataan *al-Syira* atau pembelian. Walau bagaimanapun perkataan *al-Bay* turut digunakan untuk membawa maksud *al-Syira*. *Al-Bay* dari segi syara diuraikan sebagai pertukaran harta dengan harta yang lain melalui prosedur tertentu atau proses pertukaran sesuatu barangan yang disukai dengan sesuatu yang setimpal dengan cara tertentu yang sempurna.

Berdasarkan takrifan ini dapat disimpulkan *al-Bay* sebagai satu kontrak penukaran harta dengan harta melalui prosedur tertentu iaitu yang mengandungi penawaran dan penerimaan (*ijab* dan *qabul*) yang melibatkan pemberian dan penerimaan milik serta mendapat persetujuan daripada kedua belah pihak. Sementara *al-Inah* diambil daripada perkataan *al-Ain* yang bermaksud *al-Naqd* iaitu wang tunai. *Bay al-Inah* telah didefinisikan dalam berbagai definisi oleh para Sarjana Islam. Namun antara takrifan yang mashyur mengenai *Bay al-Inah* ialah satu keadaan dimana seseorang yang berkehendakkan wang tunai datang kepada seseorang yang lain untuk memohon pinjaman. Pihak pemiutang (*al-Muqrid*) enggan memberikan pinjaman kecuali beliau akan mendapat keuntungan daripada pinjaman itu dan dalam masa yang sama beliau menyedari keuntungan itu akan menyebabkan kepada berlakunya riba yang jelas diharamkan oleh Islam.

Sehubungan itu dalam usaha untuk mengelak daripada berlaku proses pinjaman wang berfaedah yang ternyata haram disisi Islam, pemiutang bertindak sebagai penjual dengan menjual serta mewujudkan sesuatu barangan kepada penghutang dengan harga tertentu secara kredit. Selepas berlakunya proses penyerahan, penjual (pemiutang) membeli semula barangan yang telah dijualnya atau pembeli menjual kembali barangan tersebut kepada penjual asal secara tunai dengan harga yang lebih rendah. Oleh itu, transaksi ini mengandungi dua kontrak jual beli dimana setiap kontrak mempunyai harganya yang tersendiri.

Natijah dari transaksi ini penjual asal atau pemiutang dalam konteks sebenar akan mendapat faedah berdasarkan perbezaan harga kredit dan harga tunai. Transaksi ini diistilahkan sebagai *al-Inah* kerana pemiutang telah melakukan *hilah* dengan berpindah daripada kontrak pinjaman kepada kontrak jual beli barangan bagi mengelak riba.

Sehubungan itu, Wahbah al-Zuhaily (1989) menjelaskan *hilah* ini bermaksud jalan keluar daripada kesulitan. Contohnya seperti seseorang itu mencuri menggunakan tongkatnya lalu tidak mencuri kerana ber*hilah*kan tongkatnya yang mencuri. *Hilah* merupakan suatu sistem yang negatif, namun dari segi istilah dan secara ilmiahnya ianya merupakan satu mekanisme yang boleh digunakan

untuk tujuan yang betul mahupun untuk tujuan yang salah. Dari segi sejarah, amalan *hilah* ini tidak pernah berlaku dalam zaman Rasulullah s.a.w., pada zaman Para Sahabat serta sebahagian besar zaman *tabi'in*. Malah Rasulullah sendiri melarang keras penggunaan *hilah* dalam kehidupan.

Menurut Ibn. Rusyd (1988), salah satu daripada kontrak yang kontroversi dalam kalangan Sarjana Islam Klasik dan moden kerana dikatakan termasuk dalam *hilah* yang buruk ialah kontrak *Bay al-Inah*. *Bay al-Inah* ini dikatakan jenis *hilah* yang paling kerap berlaku dalam permasalahan *muamalat maliyyah* berbanding dengan perkara atau kontrak yang lain. Tiada satu definisi dalam bentuk frasa yang konkrit menjelaskan mengenai kontrak *Bay al-Inah* ini. Ia ditakrifkan sebagai seseorang menjual milikannya dengan harga tertanggung kemudiannya membelinya semula dalam majlis yang sama dengan harga tunai yang berbeza kadarnya untuk mengelakkan daripada berlakunya riba.

Dalam menjelaskan lagi beberapa istilah dalam bidang muamalat, Ibn. al-Qayyim (t.t) menjelaskan hubungkait antara *Bay al-Inah*, *al-Tawarruq* dan *Muhallil al-Riba*. *Al-Tawarruq* ialah seseorang membeli sesuatu barangan daripada penjual dengan harga RM 1 000 secara tangguh dan kemudiannya menjual kembali barangan yang dibelinya kepada orang lain (bukan penjual asal) dengan harga RM 900 tunai. Sehubungan itu, beliau akan memperolehi RM 900 yang dikehendaknya dengan segera dan dalam masa yang sama beliau kekal menjadi penghutang kepada penjual asal sebanyak RM 1 000. Perbezaannya dengan *Bay al-Inah* ialah barangan tersebut dijual semula oleh pembeli kepada penjual asal.

Sekiranya barangan dijual kembali kepada penjual asal dinamakan *Bay al-Inah*, sementara sekiranya barangan tersebut dijual kepada pihak ketiga dinamakan *al-Tawarruq*. Maka *Muhallil al-Riba* difahami apabila pihak ketiga menjual kembali barangan tersebut kepada penjual pertama. Kontrak ini menyerupai *Muhallil al-Nikah*.

### **Hukum *Bay al-Inah* Menurut Perspektif Hukum Muamalat Islam**

*Bay al-Inah* sebagaimana yang dinyatakan ialah seseorang menjual asetnya dengan harga bertangguh, kemudian membelinya semula dengan harga yang lebih tinggi bagi tempoh jual beli yang lebih lama. Secara umumnya Para Sarjana Islam bersepakat *Bay al-Inah* tidak diharuskan sekiranya penjualan kedua disyaratkan dalam kontrak penjualan pertama dan begitu juga sekiranya kedua-dua pihak yang berkontrak melahirkan secara jelas motif untuk melakukan *hilah ribawiyah* melalui perantaraan jual beli.

Sehubungan itu Para Sarjana berselisih pendapat dalam menentukan hukum *Bay al-Inah* sekiranya kontrak kedua tidak disyaratkan dalam kontrak pertama dan tidak terdapat motif yang jelas bahawa kedua-dua pihak melakukan *hilah* untuk melakukan *hilah ribawiyah*. Secara umumnya terdapat dua pandangan fuqaha yang akan dihuraikan.

Pandangan pertama yang menyatakan kontrak *Bay al-Inah* ini *batil* dan *fasid* walaupun secara zahirnya kedua-dua kontrak tersebut sempurna rukun dan syarat jual belinya. Pandangan ini didokongi oleh *Jumhur Fuqaha* (majoriti *fuqaha*) yang terdiri daripada Hanafiyyah, Malikiyyah dan Hanabilah. Di kalangan Para Sahabat, antara yang berpendapat sedemikian ialah Saidatina Aishah, Ibn. Abbas dan Anas Ibn. Malik. Manakala di kalangan *Tabi'in* pendapat ini disokong oleh al-Hassan, Ibn. Sirin, Sya'bi dan Nakhai'e.

Sementara pandangan kedua yang terdiri daripada fuqaha Malikiyyah dan fuqaha al-Syafii'yyah yang berpendapat kontrak *Bay al-Inah* adalah sah dan diharuskan sekiranya mencukupi rukun dan syarat jual beli tetapi hukumnya bertukar menjadi makruh sekiranya disertai niat *fasid*. Selain daripada fuqaha Malikiyyah dan fuqaha al-Syafii'yyah, pandangan ini turut disokong oleh sebahagian fuqaha Hanafiyyah seperti Abu Yusoff dan Muhammad Hassan al-Syaibani.

Pihak pertama yang berpendapat kontrak *Bay al-Inah* adalah haram berhujahkan dengan hadis Nabi Muhammad s.a.w yang memberi amaran keras (*taghliz*) terhadap muamalah *Bay al-Inah*.

Maksudnya : “*Sekiranya manusia tamak dengan dinar dan dirham dan berjual beli dengan Inah serta mereka mengikuti ekor-ekor lembu di samping meninggalkan jihad pada jalan Allah. Maka Allah akan menurunkan ke atas mereka bala dan Allah tidak akan mengangkatnya sehinggalah mereka kembali ke jalan Allah*”.

Al-Syatibi (1996) turut menjelaskan bahawa pengharaman *Bay al-Inah* ini juga berdasarkan kaedah *Sad al-Dhara'i* yang berasakan tiga alasan iaitu :-

1. Kontrak *Bay al-Inah* secara kebiasaannya membawa kepada menghalalkan riba. Ini kerana majoritinya pihak yang berkontrak itu mempunyai niat untuk memperolehi riba;
2. Kontradiksi (kaedah *Usul Fiqh*) antara dua prinsip utama iaitu jual beli yang pada asalnya diharuskan dan prinsip memelihara manusia dari kemudharatan. Apabila timbulnya pertentangan antara dua prinsip ini, Islam lebih mengutamakan prinsip kedua iaitu memelihara manusia dari kemudharatan (*daf'u al-mudarrat muqaddam jalb manfa'ah*);
3. Terdapat banyak nas yang mengharamkan sesuatu perkara walaupun pada asalnya diizinkan sebab ianya selalu menimbulkan keburukan walaupun secara tidak pasti. Contohnya larangan terhadap wanita bermusafir tanpa muhramnya.

Sehubungan itu, pengharaman *Bay al-Inah* ini adalah berdasarkan bentuk transaksi jual beli tersebut dianggap membawa kepada kontrak pinjaman secara riba yang memberi manfaat kepada pihak penjual pertama ataupun diistilahkan sebagai pemiutang dalam konteks yang sebenarnya. Perkara ini selaras dengan sabda Rasulullah s.a.w :

Maksudnya : “*Setiap hutang yang membawa manfaat material kepada pemiutang adalah riba*”.

Sementara pihak kedua yang berpendapat *Bay al-Inah* ini adalah harus bersandarkan kepada dalil-dalil daripada al-Quran, al-Sunnah dan Qiyas.

Maksudnya : “*Dan Allah telah menghalalkan jual beli serta mengharamkan riba*”.

*Wajah istidlal* bagi ayat di atas ialah *Bay al-Inah* dikategorikan sebagai jual beli yang diharamkan dan bukannya riba berdasarkan kehendak umum ayat ini. Sehubungan itu, golongan ini telah berpegang kepada zahir nas / ayat dengan melihat sesuatu kontrak itu secara zahirnya mencukupi rukun dan ayatnya. Golongan ini juga turut menqiyaskan *Bay al-Inah* dengan penjualan senjata kepada pemberontak (*qati al-tariq*) dan menjual anggur kepada pembuat arak berdasarkan persamaan *illah* yang wujud antara keduanya. *Illah* yang dimaksudkan ialah apabila sesuatu kontrak itu mencukupi rukun dan syaratnya, maka ianya tidak dikira *fasid*.

Di samping itu, mereka juga berpendapat bahawa keburukan yang timbul dalam *Bay al-Inah* adalah lebih ringan berbanding dengan keburukan yang lahir daripada penjualan senjata dan buah anggur. Ini disebabkan implikasi penjualan senjata boleh memudaratkan nyawa dan harta orang ramai, manakala implikasi penjualan anggur memberi kesan kepada hilang akal. Sebaliknya implikasi *Bay al-Inah* hanya memberi kesan dari sudut kehartaan sahaja.

### **Rumusan**

Sebilangan Para Sarjana Islam berpendapat, penggunaan *hilah* dan *Bay al-Inah* di Malaysia merupakan suatu keperluan daripada terus membiarkan masyarakat secara terang-terangan bergelumang dengan pinjaman berteraskan riba yang dilakukan melalui sistem konvensional. Bagi pelanggan dan ahli masyarakat yang memilih bank berteraskan Islam dalam menjalankan transaksi kerana Islamnya bank tersebut, mereka berterusan mengharapkan pihak institusi terbabit sentiasa peka dengan garis panduan dan hukum-hukum syariat yang bukan sahaja dari segi tekniknya tetapi juga dari segi falsafahnya.

Menurut Atikullah Abdullah (2003) adalah difahami bahawa institusi perbankan Islam pada hari ini terpaksa beroperasi dan bersaing dengan institusi-institusi perbankan konvensional dalam satu suasana environment dan paradigma yang diwarnai dengan pemikiran materialistik. Ini bermaksud institusi perbankan Islam turut terpaksa bersaing untuk mengaut keuntungan semaksima mungkin atau menghadapi risiko kehilangan pemegang syer dan pelanggannya.

Huraian di atas menunjukkan secara terperinci struktur, mekanisme dan penggunaan instrumen perbankan Islam dalam produk-produk yang ditawarkan oleh Bank Rakyat khususnya yang diaplikasi berdasarkan konsep *Bay al-Inah*. Sebagai sebuah badan yang berorientasi keuntungan (sektor *tijari*), Bank Rakyat telah melakukan beberapa modifikasi terhadap kontrak *Bay al-Inah* yang dihuraikan oleh Para Sarjana Klasik bagi disesuaikan dengan realiti dan persekitaran ekonomi semasa. Pengubahsuaian ini dapat dilihat dalam bentuk-

bentuk aset yang diurusniagakan, mekanisme urusanniaga, kadar keuntungan pihak bank dan syarat-syarat tambahan dalam urusanniaga. Walaupun kontrak *Bay al-Inah* mempunyai persamaan dengan produk-produk perbankan konvensional dari perspektif pengambilan untung (faedah), kontrak ini diharuskan kerana tidak melanggar peruntukan *syara'* secara zahirnya khususnya berdasarkan fiqh Syafi'iyah dan Zahiri (Suruhanjaya Sekuriti, 2002).

## **Bibliografi**

### **Al-Quran**

Jabatan Perdana Menteri (1987), *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam.

### **Al-Hadith**

'Asyur, Muhammad al-Tahir (1998), *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Muhammad al-Tahir al-Maisawi (ed.). Beirut : al-Basa'ir Li Intaj al-'Alami.

Andalusi, Abu Muhammad 'Ali b. Ahmad b. Sa'id b. Hazm al- (t.t.), *al-Muhalla bi al-'Athar*. 'Abd al-Ghaffar Sulayman al-Bandari (ed.). Beirut : Dar al-Fikr.

Atikullah Abdullah (2003), "*Al-Hilah Al-Fiqhiyyah : Konsep Kedudukan dan Pemakaiannya Dalam Muamalat Maliyyah Semasa*" (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia pada 24-25 September 2003).

Bank Rakyat, Laporan Tahunan 2002.

Baqi, Muhammad Fu'ad 'Abd al- (1994), *Lu'lu' Wa al-Marjan*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Bahuti, Mansur b. Yunus al- (1994), *Rawd al-Murbi'*. 'Imad 'Amir (ed.). Kaherah : Dar al-Hadith.

Bakri, Abu Bakr 'Uthman b. Muhammad Syatta al-Dumyati al- (1995), *Hasyiyah I'annah al-Talibin*. Muhammad Salim Hasyim (ed.). Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Duwyhan, Ibrahim b. Muhammad b. Salim (1989), *Manar al-Sabil*. Zuhair al-Syawisy (ed.). Beirut : al-Maktabah al-Islami.

Ghazali, Abu Hamid Muhammad b. Muhammad al- (1996), *al-Mustasfa*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

\_\_\_\_\_ (1997), *al-Wasit Fi al-Madhhab*. Ahmad Mahmud Ibrahim *et al.* (ed.). Kaherah : Dar al-Salam.

Husari, Ahmad al- (Dr.)(1991), *'Ilm al-Iqtisad*. Beirut : Dar al-Jil.

Ibn. Rusyd al-Qurtubi (1988), *al-Muqaddimah al-Mumahhidat*, Beirut : Dar al-Gharb al-Islami.

Jawziyyah, Ibn. Qayyim al- (t.t.) *I'lam al-Muwaqqi'in 'An Rabb al-'Alamin*. Kaherah : Dar al-Hadith.

Suruhanjaya Sekuriti (2002), *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. Kuala Lumpur. Suruhanjaya Sekuriti.

Syatibi, Abu Ishaq al- (1996), *al-Muwafaqat*. Beirut : Dar al-Ma 'rifah.



Zuhayli, Wahbah al- (Dr.)(1989), *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*. Damsyiq : Dar al-Fikr.